

TARIKH: 2/6/23  
SURAT KHABAR: Kosmo  
MUKA SURAT: 4

## Akta Kerja memadai lindung pekerja, pelajar praktikal

**GEORGE TOWN** – Kementerian Sumber Manusia (KSM) menjelaskan Akta Kerja 1955 adalah mencukupi untuk melindungi hak pekerja termasuk pelajar-pelajar yang menjalani latihan industri.

Menterinya, V. Sivakumar berkata, bagaimanapun, KSM bersedia meneliti saranan pihak tertentu yang mahu kementerian melihat semula akta itu bagi memastikan hak pelajar yang menjalani latihan industri terbela.

“Akta sedia ada (Akta Kerja 1955) mencukupi, namun kita akan teliti semula saranan yang dibuat oleh pihak tertentu yang mahu kita melihat Akta Kerja sedia ada,” katanya selepas menghadiri National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2023-Wilayah Utara, di sini semalam.

NHCCE 2023 yang berlangsung selama dua hari bermula kelmarin, dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dengan fokus utama menumpukan pada cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pemain industri di wilayah Utara.

Kosmo! kelmarin melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sedang menunggu laporan lengkap KSM berkaitan dakwaan terdapat pelajar pelatih yang tidak dibayar elaun ketika



**SIVAKUMAR** (dua dari kanan) ketika hadir ke NHCCE 2023-Wilayah Utara di SPICE Arena, George Town semalam.



**KERATAN Kosmo! 31 Mei 2023.**

menjalani tempoh latihan industri.

Golongan tersebut mengeluh selepas banyak syarikat ternama membuat kerahan kerja pekerja

terhadap pelajar praktikal tanpa dibayar elaun.

Ada dalam kalangan mereka terpaksa ‘mencuri’ masa dan merisikokan nyawa sendiri dengan melakukan kerja sambil sebagai penghantar makanan untuk mencari wang.

Dalam perkembangan lain, Sivakumar berkata, pihaknya telah mengarahkan Jabatan Tenaga Kerja untuk memastikan pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini telah mempunyai pekerjaan.

Negara / Kosmo / jumaat  
2 Jun 2023 m/s 4